

PERUBAHAN BUDAYA ORANG BATEQ DALAM SITUASI EKOPELANCONGAN DI TAMAN NEGARA

(Cultural Changes of Bateq People in the Situation of Ecotourism in National Park)

Zuriatunfadziah Sahdan, Rosniza Aznie Che Rose, Habibah Ahmad

ABSTRAK

Penglibatan etnik peribumi dalam industri pelancongan adalah penting. Keunikan budaya mereka telah menjadi tarikan pelancong untuk mengunjungi Malaysia seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi. Namun, kemasukan pelancong mempengaruhi etnik peribumi dalam mengubah budaya dan cara hidupnya. Artikel ini menyelidiki perubahan budaya orang Bateq yang terlibat dalam ekopelancongan di Taman Negara berdasarkan teori difusi. Kajian ini dijalankan pada bulan Febuari 2009. Aspek kajian memfokus kepada aspek budaya seperti bahasa, pakaian, pemakanan dan kraf tangan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menjadikan temu bual dan analisis dokumen sebagai instrumen utama. Transkrip temu bual dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo. Perisian ini membolehkan tema diwujudkan berdasarkan persoalan kajian untuk memudahkan proses analisis dan seterusnya mencapai objektif kajian. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini telah dibuktikan dan disahkan oleh Triangulasi data. Triangulasi dilakukan dengan membandingkan setiap maklumat dari analisis dokumen, temu bual terhadap peserta kajian dan informan tambahan serta pemerhatian berdasarkan soalan kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada empat aspek budaya yang dikaji, hanya satu aspek budaya yang mengalami perubahan iaitu pakaian. Pakaian orang Bateq telah berubah serta-merta tanpa pengekalan budaya tradisional. Ini berbeza dengan aspek pemakanan yang hanya berubah sebahagiannya dan masih bercampur dengan budaya asal. Sebaliknya, tiada sebarang perubahan dalam aspek bahasa dan kraftangan tradisional orang Bateq. Hal ini menunjukkan bahawa tahap ketahanan budaya orang Bateq adalah tinggi jika dibandingkan dengan sejarah latar belakang penglibatan mereka dalam ekopelancongan.

Kata Kunci: *Orang Bateq, Ekopelancongan, Perubahan Budaya, Difusi, Taman Negara Malaysia*

ABSTRACT

The involvement of aborigines on tourism industry in Malaysia is important. Their unique culture has attracts tourists to visit Malaysia and contribute to the improvement of economics. However, the entrance of many tourists may influence the aborigines to change their culture and lifestyle. The purpose of this article is to identify the cultural change of Bateq people who involved in ecotourism at Taman Negara. Their language, clothing, foods and handicrafts culture were assessed based on diffusion theory. This study was conducted in February 2009. The qualitative method which utilized an interviews and the document analysis was employed. The Nvivo software was used to analyze the interview's transcripts. This software allows themes created based on the question of the study to facilitate the analysis process and achieve the objectives. The validity and reliability of this study were proved and confirmed by Triangulation of data. Triangulation is done by comparing all the information from the document analysis, interviews of study participants and key informants and observations based on the research questions. From the results in this study, it was found that only one culture out of four which is the clothing was changed. Their clothing are totally change without preservation of traditional culture. This contrasts with the food aspects that only change partly and mixed with the original culture. Besides, there are no changes in terms of language and traditional crafts. This shows that Bateq people is highly resistance to cultural change although they have long history in ecotourism involvement.

Keywords: *Bateq People, Ecotourism, Cultural Change, Diffusion, Taman Negara Malaysia*

PENGENALAN

Pelancongan adalah salah satu daripada industri terpenting di dunia yang berupaya mengembangkan aspek ekonomi, sosial dan budaya. Berdasarkan rekod *United Nations World Tourism Organization*, pelancongan telah menjadi sektor ekonomi global terpenting sejak pertengahan 1990an dan dijangka mengekalkan pertumbuhannya. Ramalan pada tahun 2020 menganggarkan ketibaan seramai 1.5 bilion pelancong secara tahunan ke seluruh dunia. Antara negara yang menerima keuntungan terbesar dalam sektor ini ialah Portugal, Malaysia, Tunisia, Brazil dan Sepanyol (Goeldner et al 2000).

Ekopelancongan adalah sub dalam industri pelancongan. Ekopelancongan merupakan usaha untuk mencapai satu keseimbangan antara eksploitasi ekonomi terhadap sumber alam dan warisan budaya komuniti peribumi tanpa menyebabkan sebarang kerosakan atau ancaman kewujudannya. Ekopelancongan melibatkan pemeliharaan terhadap alam sekitar dan sosio-budaya yang wujud di kawasan ekopelancongan (Goeldner et al.,2000). Sumbangan industri ekopelancongan tidak hanya terhadap ekonomi dan persekitaran fizikal. Ekopelancongan juga berupaya mewujudkan perubahan budaya dan sosial tempatan termasuk sistem nilai, cara hidup tradisional, hubungan kekeluargaan, perlakuan individu atau struktur komuniti. Kebanyakan kajian terdahulu cenderung untuk membincangkan impak pelancongan terhadap sosio-ekonomi. Kini, pengkaji-pengkaji cenderung untuk menumpukan kajian impak pelancongan terhadap budaya. Ratz, T. (2000) misalnya, seorang pengkaji dari Hungary menyatakan bahawa di Hungary, kajian impak ekopelancongan dalam analisis ekonomi telah dihadkan dan lebih mengutamakan kajian impak ekopelancongan terhadap budaya. Pengkaji-pengkaji seperti Yamashita (1997), Eades (1997), Zeppel, H.(2003) dan Kadir (1997) telah membincangkan impak ekopelancongan terhadap budaya sejak tahun 1990an lagi. Hal ini berikutan elemen budaya dilihat lebih penting dalam era globalisasi ini.

Bagi mengkaji perubahan budaya dalam situasi ekopelancongan, Taman Negara Pahang adalah lokasi yang amat sinonim. Taman Negara dikenali sebagai destinasi ekopelancongan utama di Malaysia dan terkenal di seluruh dunia (Ahmad Shuib 2004). Pelancong-pelancong yang mengunjungi Taman Negara kebanyakannya adalah pelancong asing yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza. Manakala masyarakat Bateq adalah penduduk peribumi yang terlibat dalam ekopelancongan sejak tertubuhnya Taman Negara. Dalam kajian ini ekopelancongan akan dikaitkan dengan perubahan budaya masyarakat Bateq di Taman Negara.

Artikel ini membicarakan perubahan budaya yang berlaku terhadap orang Bateq dalam situasi ekopelancongan di Taman Negara. Perubahan budaya tidak disedari oleh sesuatu komuniti dan memerlukan kajian. Jika perubahan budaya tidak diberikan perhatian yang sewajarnya, orang Bateq bakal kehilangan identiti mereka dan sumber pendapatan mereka dalam industri ekopelancongan akan terjejas sama sekali kerana pelancong tidak akan datang hanya untuk melihat budaya yang stereotaip atau budaya tiruan yang dicipta untuk pelancong.

Oleh itu, artikel ini berusaha untuk mengenal pasti latar belakang orang Bateq yang terlibat dalam ekopelancongan di Taman Negara dan seterusnya memahami perubahan budaya orang Bateq berdasarkan budaya tradisional dan budaya yang dipengaruhi ekopelancongan. Komponen budaya yang dikaji adalah merangkumi aspek bahasa, pakaian, pemakanan dan kraf tangan.

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

Artikel ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan temu bual dan analisis dokumen sebagai instrumen utama. Persampelan kajian terdiri daripada enam orang informan yang dijalankan dalam bulan Februari 2009. Empat orang informan utama adalah orang Bateq. Manakala informan tambahan adalah seorang Pegawai Penerangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan seorang pengkaji yang telah tiga puluh tahun tinggal bersama orang Bateq. Taman Negara dipilih sebagai lokasi kajian. Terdapat dua kriteria utama yang terdapat pada Taman Negara yang mempengaruhi pemilihan kawasan kajian ini. Pertama, Taman Negara mempunyai kedua-dua komponen yang harus dipelihara dalam ekopelancongan, iaitu alam sekitar dan budaya. Taman Negara mendapat pengiktirafan Taman Negara Malaysia seawal tahun 1938. Kajian ini dijalankan di dua buah kampung iaitu Kg. Dedari dan Jeti Gua Telinga. Kedua-dua kampung adalah antara kampung yang menjadi tumpuan pelancong untuk mengunjungi petempatan orang Bateq. Transkrip temu bual diproses dengan menggunakan perisian Nvivo. Perisian ini membolehkan tema diwujudkan berdasarkan persoalan kajian untuk memudahkan proses analisis dan seterusnya mencapai objektif kajian. Analisis kajian dijalankan bersandarkan kepada teori difusi. Walaupun proses kesahan diberi perhatian sepanjang proses kajian, pengkaji memilih pelbagai strategi untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Data dikumpulkan dari pelbagai sumber termasuk; temu bual terhadap peserta kajian dan informan tambahan, analisis dokumen dan pemerhatian yang menyediakan penerangan secara mendalam dan analisis untuk menyampaikan amalan budaya orang Bateq yang terlibat dalam ekopelancongan. Penggunaan pelbagai sumber ini membolehkan triangulasi data dilakukan. Triangulasi dilakukan dengan membandingkan setiap maklumat dari analisis dokumen, temu bual terhadap peserta kajian dan informan tambahan serta pemerhatian berdasarkan tema yang telah diwujudkan dalam Nvivo. Penggunaan pelbagai sumber bukti seumpama ini bertujuan untuk meningkatkan ketepatan penafsiran dan mengesahkan bahawa data yang diperolehi adalah benar.

HASIL DAN PERBINCANGAN

a) Latar Belakang Orang Bateq dalam Ekopelancongan

Berdasarkan kepada data yang diperolehi menunjukkan bahawa orang Bateq kebanyakannya tinggal di kawasan utama kunjungan pelancong di Taman Negara. Pekerjaan orang Bateq sebagai pemandu pelancong dan pengangkut barang (*porter*) telah dilakukan sejak 1960an. Pada waktu itu mereka menjadi pemandu arah kepada pelancong yang ingin mendaki Gunung Tahan. Maklumat ini selari dengan hasil kajian oleh Zanisah et.al. (2009) yang menambah bahawa pada ketika itu orang Bateq hanya membantu pemandu pelancong yang terdiri dari orang Melayu. Kerjaya mereka sebagai pemandu pelancong hanya bermula pada tahun 1970-an dan 1980-an apabila mereka mempunyai keyakinan diri untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan pelancong. Kesemua peserta kajian mempunyai pengalaman sebagai pemandu pelancong (*tourist guide*). Namun, terdapat seorang peserta kajian yang lebih cenderung melakukan demonstrasi menyempit dan membuat api kepada pelancong.

Kan bagus macamni, buat unggun api, kitorang buat sumpit, tak jadi apelah dengan kitorang ni.

*Document 'PK4', 8 passages, 470 characters.
Section 17, Paragraph 56, 93 characters.*

Pekerjaan lain yang dilakukan oleh peserta kajian ialah membawa bot dan mencari hasil hutan seperti madu dan kayu gaharu. Golongan yang terlibat dalam aktiviti ini adalah lelaki, berumur 18 tahun sehingga tahap umur keupayaan mereka untuk melibatkan diri.

Hmm...orang laki masuk...berumur 18 tahun sehingga berapa puluh tahun usaha dia yang boleh daya bawak barang, hantar ke Gunung Tahan atau sebagainya. Aaa...dia minat bawak pelancong, dalam sampai umur 50 an ataupun 60 an. Aaa...dalam 5,60 tahun umur lah contoh die. Aaa...macam tu kalau die minat bawak pelancong, die bawaklah. Kalau takde, takdelah. Macam tu.

*Document 'PK1', 2 passages, 376 characters.
Section 239, Paragraph 973, 355 characters.*

Saya, masa dulu, saya ingat taun enam puluh dulu, enam puluh saya dah besar dah, saya dekat nak jadi guide dah.

*Document 'PK3', 4 passages, 598 characters.
Section 59, Paragraph 183, 494 characters.*

Golongan wanita hanya terlibat secara tidak langsung dalam menghasilkan kraf tangan seperti sikat buluh. Dapatan kajian ini mendapati bahawa generasi orang Bateq yang kini berumur 40an telah pun membesar sepenuhnya dalam pengaruh ekopelancongan. Tempoh yang lama dalam situasi ekopelancongan ini menjadi salah satu faktor yang boleh mengubah budaya orang Bateq.

b) Perubahan Budaya Orang Bateq

i) Bahasa

Bahasa orang Bateq adalah dalam kelompok bahasa Austroasiatic iaitu bahasa yang sama dengan orang Negrito lain di Malaysia (Endicott, 1979). Dapatan kajian menunjukkan tiada sebarang perubahan dalam aspek bahasa. Penggunaan bahasa orang Bateq masih digunakan secara meluas. Dapatan ini disokong oleh Chou & Benjamin (2002) dan Blench (2006) yang menyatakan orang asli di Semenanjung Malaysia masih berkomunikasi menggunakan bahasa yang berasal dari Mon-Khmer selatan dalam kumpulan Austroasiatic. Bahasa Negrito berkait dengan bahasa Senoi dan telah dikelaskan oleh ahli linguistik sebagai cabang bagi Mon-Khmer. Penggunaan bahasa ini merangkumi semua peringkat usia. Bahasa Melayu juga adalah bahasa yang telah dikuasai dan menjadi sebahagian daripada budaya mereka. Kebanyakan daripada mereka boleh memahami bahasa Inggeris dengan baik. Bagi yang gemar mendengar dan memerhatikan pelancong berkomunikasi atau penerangan pemandu pelancong, mereka boleh berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris. Terdapat sebahagian orang Bateq menganggap bahasa Inggeris adalah penting bagi memudahkan komunikasi dengan pelancong.

Penting, sebabnya penting, jadi ada orang nak datang sana, macam ayam dengan itiklah.

*Document 'PK3', 8 passages, 289 characters.
Section 53, Paragraph 164, 86 characters.*

Aaa...boleh senang cakap.

*Document 'PK3', 8 passages, 289 characters.
Section 55, Paragraph 171, 23 characters.*

Dapatan kajian juga menunjukkan proses difusi berlaku secara langsung tanpa menjejaskan bahasa tradisional mereka. Orang Bateq mempunyai keinginan untuk menerima idea yang baru bagi memperbaiki kehidupan masyarakat mereka. Dengan kebolehan berbahasa Inggeris, permintaan sebagai pemandu pelancong dari pelancong asing semakin meningkat. Terdapat sebilangan orang Bateq yang terkenal dengan kebolehan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelancong. Hanya sesetengah pelancong asing tidak berpuas hati

kerana sebutan bahasa Inggeris mereka mempunyai dialek bahasa orang Bateq dan dialek bahasa penduduk Kuala Tahan yang agak sukar difahami.

ii) Pemakanan

Secara keseluruhan orang Bateq masih mengekalkan makanan tradisional mereka dari sumber hutan seperti ubi. Jenis ubi liar yang dijadikan santapan utama mereka ialah seperti ubi takop dan ubi gadong. Pengetahuan mengenai makanan tersebut juga dikuasai oleh semua golongan. Hanya makanan hasil buruan tidak dinyatakan oleh mana-mana peserta kajian. Dalam masa yang sama mereka boleh menerima sebarang makanan yang dibawa pelancong. Pendapatan mereka dalam pelancongan juga mewujudkan kuasa beli terhadap barangan makanan yang dijual di kedai.

Budaya pemakanan mereka secara keseluruhan adalah bercampur-campur antara hasil hutan, pemberian pelancong dan sebarang makanan yang boleh dibeli. Sesetengah daripada mereka tidak membiasakan diri untuk memakan makanan yang dibeli kerana harga yang semakin meningkat dan memerlukan kos yang lebih berbanding makanan dari hasil hutan.

Dak..makanan macam makanan die tu, diorang bagi pun saya orang makan. Tapi saya nak asyik nak guna makanan die tu orang tak naklah. Sebabnya jadi, takut...ni macam beras ni, koho mahal koho mahal die punya rega, jadi kite tak mampu nak cari barang, kite gune untuk dalam hutan. Sebab itulah saya pun tak, tak menggalakkan, macam, ambik makanan.

*Document 'PK3', 6 passages, 431 characters.
Section 110, Paragraph 334, 343 characters.*

Pengaruh dari pelancong juga menyebabkan segelintir dari mereka mula meminum arak.

Itu biasalah, kalau die ikut pelancong memang itulah. Kalau pelancong makan, itulah die makan sekali.

*Document 'IT 1', 10 passages, 731 characters.
Section 69, Paragraph 214, 103 characters.*

Tapi ada lagi satu budaya yang tak elok, minum minuman keras.

*Document 'IT 1', 10 passages, 731 characters.
Section 104, Paragraph 320, 61 characters.*

Dapatan kajian menunjukkan orang Bateq menerima budaya pemakanan dari pelancong luar. Perubahan budaya dalam gaya pemakanan terjadi dalam bentuk positif dan negatif. Perkara positif adalah apabila mereka berupaya menerima dan beradaptasi dengan makanan lain selain sumber makanan dari hutan. Penerimaan ini dapat membuka alternatif lain jika sumber hutan semakin berkurangan. Perkara ini selari dengan konsep difusi itu iaitu sebarang perubahan yang membawa faedah akan menjadi budaya dan diamalkan oleh keseluruhan masyarakat. Namun, terdapat segelintir golongan muda yang silap memilih tindakan dalam proses difusi dan menjadikan perubahan budaya ke arah negatif. Budaya luar yang sepatutnya ditolak kerana tidak membawa faedah, telah diterima masuk dalam budaya mereka iaitu seperti meminum arak.

iii) Pakaian

Pakaian tergolong dalam budaya reka cipta manusia berbentuk kebendaan (Zainuddin, 2001). Difusi unsur budaya berbentuk kebendaan diterima dalam masyarakat selagi ianya memberi faedah. Jika budaya tersebut tidak sesuai dalam masyarakat di negara kita, budaya ini akan

mudah berubah untuk beradaptasi dengan keadaan semasa (Abdullah, 1985). Perkara ini berlaku dalam aspek pakaian orang Bateq. Orang Bateq telah beradaptasi mengikut kesesuaian budaya mengikut persekitarannya. Pemakaian cawat dianggap tidak sesuai dan mereka perlu berubah. Dalam masa yang sama, peranan kerajaan dan pelancong mempengaruhi cara mereka berpakaian. Kerajaan secara tidak langsung 'memaksa' mereka melakukan difusi pemakaian.

Hasil kajian menunjukkan bahawa pemakaian tradisional tidak lagi diamalkan. Pakaian tradisional orang Bateq ialah cawat yang diperbuat dari kulit kayu. Kemudian pakaian mereka berubah kepada kain sarong yang dipakai sebagai cawat. Kini pemakaian orang Bateq adalah sebagaimana cara orang tempatan berpakaian. Golongan muda cenderung untuk meniru gaya pemakaian pelancong seperti memakai cermin mata hitam dan berseluar jeans.



(a)



(b)

Pakaian tradisional orang Bateq iaitu cawat yang diperbuat dari kulit kayu (a) dan pakaian yang telah mula berubah kepada kain sarong dipakai sebagai cawat (b)



(a)



(b)

Pakaian orang Bateq menyerupai penduduk tempatan (a) dan pakaian golongan muda yang mirip seperti pakaian pelancong (b)

Terdapat tiga faktor yang menyebabkan perubahan tersebut dalam skop pelancongan. Pertama, polisi kerajaan yang menghalang mereka tidak berbaju setelah terdapat pelancong yang mengeksploitasi gambar mereka yang tidak berbaju. Kedua adalah berpunca dari pelancong sendiri yang gemar memberikan pakaian yang berkualiti kepada orang Bateq. Ketiga, perubahan gaya pemakaian dapat dilihat apabila generasi muda gemar meniru cara pemakaian pelancong seperti memakai jeans, cermin mata hitam dan anting-anting. Sebarang perubahan seperti 'punk' tidak berlaku kerana mereka mempunyai pantang larang dan kepercayaan yang perlu dipatuhi.

iv) Kraf tangan

Kraf tangan tradisional orang Bateq ialah buluh sumpit bersaiz 51/2 kaki panjang dan sikat buluh. Terdapat perubahan reka bentuk dan tambahan ciptaan kraf tangan orang Bateq. Buluh sumpit lebih pendek tanpa sebarang saiz yang selaras dicipta dan ciptaan baru kraf tangan seperti gelang adalah khas untuk dijual kepada pelancong. Disebabkan terdapat pembaharuan dari generasi ke generasi yang lain, pengetahuan orang Bateq mengenai kraf tangan tradisional adalah berbeza. Namun, budaya menghasilkan kraf tangan orang Bateq masih diamalkan sepenuhnya oleh lelaki dan wanita. Kraf tangan tradisional orang Bateq iaitu buluh sumpit dan sikat juga masih dihasilkan. Buluh sumpit yang asal tidak dijual kepada pelancong dan hanya digunakan bagi tujuan demonstrasi menyumpit. Sikat dijual kepada pelancong dan digunakan oleh kaum wanita khususnya. Bentuk sikat tidak mengalami sebarang perubahan jika dibandingkan dengan bentuk sikat asal orang Bateq.

Dapatan kajian menunjukkan tiada sebarang perubahan dalam aspek kraf tangan tradisional orang Bateq. Hanya proses difusi rangsangan yang berlaku. Kedatangan pelancong menjadi perangsang kepada orang Bateq melakukan pembaharuan dan reka cipta. Misalnya dengan rekaan buluh sumpit yang bersaiz kecil berbanding saiz asalnya. Buluh sumpit ini direka khas untuk dijual kepada pelancong dengan saiz yang lebih pendek dapat memudahkan pelancong membawanya.



(a)



(b)

Buluh sumpit tradisional bersaiz 5 1/2 kaki yang digunakan untuk demonstrasi menyumpit (a) dan buluh sumpit untuk dijual kepada pelancong yang bersaiz lebih kecil (b).

Orang Bateq melakukan inovasi dengan mencipta kraf tangan baru seperti gelang. Dapatan ini menyerupai kajian oleh Viken (2007) yang menyatakan perubahan yang ketara berlaku terhadap masyarakat peribumi di kawasan Sami bahagian Utara Scandinavia yang dapat diperhatikan melalui perubahan artifak tradisionalnya seperti pisau, cawan dan bulu-bulu menjadi lebih estetik. Beberapa reaksi terhadap perkara ini, dari sudut positif ianya dianggap inovasi dan perkembangan, dari sudut yang negatif ianya tidak lagi tulus dan menjadi satu budaya-pelancong yang komersial. Penggunaan budaya bagi tujuan pelancongan menyumbangkan ke arah perubahan imej atau persepsi terhadap budaya itu sendiri.

Sifat kebudayaan itu sendiri adalah sebagai fenomena yang diubahsuai supaya terus kekal (Abdullah, 1985). Aspek perubahan dalam kraf tangan orang Bateq telah dianggap sebahagian daripada budaya mereka. Golongan muda khususnya, mereka menganggap gelang sebagai kraf tangan tradisional mereka. Justeru itu, pengetahuan orang Bateq mengenai kraf tangan adalah berbeza antara satu generasi ke generasi yang lain. Sesetengah orang lelaki Bateq dalam lingkungan umur 40-an menganggap penghasilan kraf tangan sebagai suatu proses yang sukar. Terutamanya proses pembuatan sikat. Mereka yang kurang berminat secara umumnya sudah tentu tidak akan menurunkan ilmu pembuatan kraf tangan kepada anak-anak mereka. Tidak mustahil, generasi kaum Bateq akan datang sama sekali tidak mengetahui cara membuat kraf tangan warisan mereka.

Dapatan ini disokong oleh situasi yang sama berlaku terhadap komuniti Rungus di Kudat. Menurut Liu (2008), selain rantai tradisional Rungus, kaum wanita kini menghasilkan gelang, dekorasi kereta, tempat pensil, kerongsang, penyangkut kunci dan sebarang item yang ditempah oleh pelancong. Reka bentuk tradisional kraf tangan orang Rungus adalah bermotifkan manusia dan geometri. Kini, reka bentuknya diperbaharui dengan menambah nama pelancong, tanda horoskop, mesej hari lahir dan ucapan selamat datang. Masyarakat Bateq masih beruntung kerana tidak melalui pengalaman seperti yang dihadapi oleh masyarakat asli di Australia. Mereka menerima akibat buruk apabila menerima pemberian kapak yang diperbuat dari besi waja ahli-ahli mubaligh Kristian kepada anggota masyarakat. Mereka menggantikan kapak batu, iaitu sejenis alat penting yang menjadi simbol kelelakian. Orang yang mempunyai kapak batu mempunyai kedudukan penting dalam sistem alam

sekitar masyarakat itu. Tambahan pula kapak batu merupakan objek penting bagi menyatakan perkara penting dalam pertemuan-pertemuan dalam kebudayaan suku bangsa itu. Dengan wujudnya kapak yang diperbuat daripada besi waja, simbol kaum lelaki mulai runtuh, keseluruhan sistem ideologi masyarakat berpecah. Perkumpulan yang biasanya diadakan setiap tahun antara suku bangsa ini semakin berkurangan kerana mereka tidak perlu bertukar-tukar kapak batu. Hanya dengan pewujudan kapak besi telah mengubah keseluruhan struktur masyarakat (Abdullah, 1985).

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi Teoritikal

Kajian perubahan budaya orang Bateq dalam situasi ekopelancongan ini adalah bersandarkan kepada teori difusi. Teori difusi yang ditonjolkan dalam kajian ini berdasarkan Tylor (1871) seperti yang dirujuk oleh Norazit (1993) menjelaskan bahawa perubahan budaya adalah dipengaruhi oleh kemasukan budaya luar. Dalam kajian ini, budaya luar adalah dari pelancong asing. Kemasukan budaya pelancong yang lebih tinggi berbanding budaya masyarakat penerima (orang Bateq) menyebabkan proses difusi berlaku.

Kajian ini menekankan peranan difusi sebagai suatu proses yang dipilih iaitu sama ada mahu menerima atau menolak kemasukan budaya luar. Dapatan kajian telah mengenal pasti ciri-ciri budaya yang berubah disebabkan oleh penerimaan masyarakat Bateq terhadap budaya pelancong. Budaya yang mengalami perubahan ialah cara berpakaian orang Bateq. Aspek pakaian mengalami perubahan secara keseluruhan tanpa mengekalkan ciri budaya tradisional. Segelintir golongan muda Bateq juga cenderung meniru gaya pemakaian pelancong. Hal ini menunjukkan proses difusi dalam aspek pemakaian diterima oleh orang Bateq yang membawa kepada perubahan budaya secara positif dan negatif.

Aspek pemakanan hanya berubah sebahagiannya dan masih bercampur dengan budaya asal. Difusi dalam aspek pemakanan masih tidak diterima sepenuhnya kerana kebimbangan masyarakat Bateq terhadap harga barangan yang semakin meningkat. Dapatan kajian menunjukkan terdapat sesetengah orang Bateq tidak mahu membiasakan amalan pemakanan dari pelancong atau dibeli dari kedai kerana memerlukan kos berbanding makanan dari hutan yang hanya perlu dicari.

Proses difusi dalam konteks kraf tangan menyebabkan orang Bateq melakukan pembaharuan dan inovasi dalam masa yang sama mengekalkan kraf tangan tradisional mereka. Pengekalan budaya asal juga berlaku dalam aspek bahasa walaupun orang Bateq menerima budaya luar dengan memahami dan berkomunikasi menggunakan Bahasa Inggeris.

Implikasi Praktikal

Dapatan kajian ini menunjukkan hanya satu ciri budaya orang Bateq yang berubah secara keseluruhan tanpa mengekalkan budaya asalnya iaitu pakaian. Perubahan ini dilihat sebagai suatu perkara yang positif kerana orang Bateq memerlukan pakaian yang lebih baik dan tidak merugikan mana-mana pihak. Namun, jika budaya pembuatan kraf tangan, bahawa asal yang telah wujud beribu tahun, kemahiran meneroka sumber makanan dari hutan telah luput sertamerta, ianya dilihat sebagai suatu kerugian terhadap keseluruhan komuniti Bateq.

Bateq akan menghadapi tekanan hidup apabila wang menjadi elemen utama untuk menyara hidup. Dalam masa yang sama, pendapatan mereka dalam ekopelancongan semakin berkurangan kerana tarikan pelancong terhadap budaya mereka telah hilang. Hal ini diburukkan lagi dengan masalah lain seperti kehilangan sumber penting dari hutan, kesan

seperti pencemaran, kesesakan laluan sungai dan kejutan budaya serta impak negatif yang lain sebagaimana dalam kajian Ahmad Shiub (2004) dan Hood Salleh (1996). Oleh itu, langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil bagi mengatasi perkara ini sebelum ianya berlaku:

i. Pihak yang bertanggungjawab dicadangkan agar mendedahkan peraturan-peraturan atau kod etika apabila mengunjungi petempatan Bateq. Ianya boleh dipaparkan pada mana-mana laluan pelancong sebelum memasuki petempatan orang Bateq. Selain itu, penguatkuasaan agar pemandu pelancong diwajibkan menjelaskan peraturan-peraturan untuk masuk ke petempatan Bateq satu-persatu juga dilihat dapat membantu.

ii. Pihak yang dicadangkan agar memberi insentif atau galakan kepada golongan belia Bateq untuk menjadi pemandu pelancong yang profesional. Sebarang program latihan bagi tujuan ini boleh dijalankan secara praktikal, jika mereka tidak berminat terhadap aktiviti pembelajaran yang melibatkan menulis dan membaca. Program seumpama ini harus menerapkan elemen budaya tradisional mereka agar mereka berupaya memberi penerangan kepada pelancong mengenai budaya yang telus dan bukan rekaan semata-mata. Pelbagai kaedah boleh dilakukan untuk menerapkan budaya tradisional mereka. Misalnya, dengan menggiatkan kajian terhadap budaya tradisional mereka dalam masa yang sama melibatkan orang Bateq dalam kajian tersebut. Orang Bateq yang terlibat harus bertindak sebagai tenaga pengajar kepada golongan muda secara langsung mahupun tidak langsung.

KESIMPULAN

Ekopelancongan adalah prinsip yang baik sebagai alat pemeliharaan budaya khususnya. Jika matlamat ekopelancongan tidak dipenuhi, ekopelancongan itu sendiri yang bakal memusnahkan budaya yang telah terbina beribu-ribu tahun. Hal ini kerana ekopelancongan menyumbang kepada berlakunya proses difusi. Difusi budaya adalah normal dalam sesuatu lapisan etnik yang berhubungan dengan etnik lain. Kajian ini memberi perhatian terhadap budaya orang Bateq dalam situasi ekopelancongan. Orang Bateq dikatakan sangat berpegang kuat terhadap budaya tradisionalnya. Selain itu, Bateq mempunyai imej yang rapat dengan alam semula jadi dan kaya dengan nilai-nilai murni dalam adaptasi nya dengan hutan.

Perubahan budaya orang Bateq menjadi indikator tahap implikasi ekopelancongan terhadap budaya orang Bateq. Berdasarkan dapatan kajian, dari empat ciri budaya yang dikaji, hanya satu aspek yang benar-benar mengalami perubahan budaya. Aspek tersebut ialah pakaian. Aspek pakaian mengalami perubahan secara keseluruhan tanpa mengekalkan ciri budaya tradisional yang asal. Manakala aspek pemakanan hanya berubah sebahagiannya dan masih bercampur dengan budaya asal. Aspek yang lain seperti bahasa dan kraf tangan masih mengekalkan budaya tradisionalnya walaupun aspek tersebut menerima budaya luar ke dalam budaya mereka. Hal ini menunjukkan bahawa tahap ketahanan budaya orang Bateq adalah tinggi dengan tempoh penglibatan mereka yang terdedah dengan budaya pelancong.

RUJUKAN

Abdullah Taib. 1985. *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Shuib. 2004. Tourism in Taman Negara Malaysia – Its Contribution as Perceived by Residents of Ulu Tembeling. *Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*, 47, 37-48.

- Blench, R. 2006. Why are Aslian-Speakers Austronesian in Culture? (Electronic version). Diperolehi Januari 11, 2009 daripada http://www.cpsu.org.uk/downloads/Colin_Ni.pdf
- Chou, Cynthia & Benjamin, G. 2002. *Tribal Communities In The Malay World: Historical, Cultural And Social Perspectives*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Endicott, K.M. 1979. *Batek Negrito Religion: The World View & Ritual Of A Hunting And Gathering People Of Peninsular Malaysia*. New York: Clarendon Press.
- Goeldner, C.R., Brent Ritchie, J.R. & McIntosh, R.W. 2000. *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*. Canada: John Wiley & Sons Inc.
- Hood Salleh. 1996. Alam Sekitar Manusia di Taman Negara: Rangka Kajian. Dalam Ibrahim Komoo (Ed.) *Taman Negara: Conserving Our National Heritage* (m.s. 33-42). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kadir H.Din. 1997. Tourism and Cultural Development in Malaysia: Issues for a New Agenda. Dalam Shinji Yamashita, Kadir H. Din & Eades, J.S (Ed). *Tourism and Cultural Development in Asia and Oceania* (104-118). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Liu, Ong Puay. 2008. *Packaging Myths For Tourism: The Rungus Of Kudat*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norazit Selat. 1993. *Konsep Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratz, T. 2000. *The Socio- Cultural Impact of Tourism*. Diperolehi Januari 11, 2009 daripada <http://www.ratztamara.com/impacts.pdf>.
- Viken, A. 2007. *Indigenous Cultures Challenged By Ecotourism*. Norway: Finmark University College.
- Zainuddin Isman. 2001. Orang Melayu Di Kalimantan Barat: Kajian Perubahan Budaya Pada Komuniti Pesisir Dan Komuniti Pedalaman. Projek Sarjana. Institut Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari & Mustaffa Omar. 2009. Kesan ekonomi pelancongan terhadap komuniti Batek di Kuala Tahan, Pahang. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 4 (1), 1-12.
- Zeppel, H. 2003. Sharing the Country: Ecotourism Policy and Indigenous Peoples in Australia. Dalam Fennell, D.A. & Dowling, R.K (Ed). *Ecotourism Policy and Planning* (55-71). United Kingdom. CABI Publishing.
- Zuriatunfadzliah Sahdan, Rosniza Aznie Che Rose, Habibah Ahmad
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran.
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia